

'Laporan RCI bukan balas dendam terhadap Tun M'

Perdana Menteri akui tidak cadang apa-apa, serah Peguam Negara buat keputusan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan Batu Puteh, bukan bertujuan membalas dendam terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, tidak seharusnya naratif dendam dimainkan kerana Pasukan Petugas Khas (PPK) diwujudkan untuk menyemak semula undang-undang berkenaan perkara itu sehingga membawa kepada RCI ditubuhkan ketika pemerintahan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Tidak timbul pun (untuk balas dendam), pasukan (petugas) khas itu dibuat sebelum saya pun, itu masa Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri.

"Menterinya (ketika itu adalah) Datuk Seri Hamzah (Zainudin); (Datuk Seri) Takiyudin (Hassan). (PPK) ada buat (kajian), dan 'finding' (penemuan dalam laporan PPK) lebih teruk lagi. Jadi tak usah main (naratif dendam)," katanya ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Surau Darul Ulum SMK Agama Putrajaya di sini, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri meluangkan masa menyertai lebih 1,000 jemaah menunaikan solat Jumaat di surau berkenaan.



Anwar meluangkan masa makan tengah hari bersama penduduk setempat di Medan Selera Presint 11, Putrajaya, semalam. (Foto Hazreen Mohamad/BH)

Malam kelmarin, beberapa wakil rakyat pembangkang ketika mengambil bahagian dalam sesi perbincangan berkaitan RCI itu menyifatkan laporan terbabit lebih kepada dendam.

Malah, ada dalam kalangan mereka mempersoalkan proses siasatan yang dijalankan secara tertutup, khususnya terhadap Dr Mahathir, yang tidak diberikan akses penuh untuk mempertahankan diri ketika prosiding berlangsung.

Malah sebahagian daripada laporan RCI didedahkan kepada umum itu turut dihitamkan.

Pertahanan kedaulatan negara

Mengulas lanjut, Anwar menegaskan RCI itu sebagai prinsip untuk mempertahankan kedaulatan negara.

"Ini soal wilayah, mana boleh, ada ke negara yang mengizinkan (dengan) mudah serah (wilayah).

Ditanya sama ada Dr Mahathir

wajar dikenakan tindakan seperti mana disyor dalam laporan RCI, Perdana Menteri berkata, ia diserahkan kepada Peguam Negara.

"Saya tak cadang apa-apa, itu serah kepada Peguam Negara," katanya.

Malam kelmarin, Ahli Parlimen blok kerajaan, Hassan Abdul Karim, tidak bersetuju dengan syor RCI agar laporan polis dibuat terhadap Dr Mahathir.

Tegasnya, dalam pertikaian dengan Singapura dalam isu terbabit, Malaysia tidak kalah semua, walaupun tidak mendapat Batu Puteh, tetapi kedaulatan Batuan Tengah berpihak kepada negara ini.

Beliau turut mempersoalkan, sekiranya Dr Mahathir dihukum, adakah Batu Puteh yang terlepas itu boleh diperoleh semula.

Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin, adalah tidak adil sekiranya Dr Mahathir sahaja dipersalahkan kerana didakwa mem-

buat keputusan seorang diri mengenai kedaulatan kawasan itu, sebaliknya seluruh Kabinet ketika pentadbirannya perlu menggalas tanggungjawab bersama.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, dalam penggulungannya, berkata usul membahaskan laporan RCI itu bukan bertujuan mahu mendakwa mana-mana pihak.

Sebaliknya, beliau berkata, ia bagi kerajaan mengambil cadangan serta keputusan untuk memperbaiki kelemahan berkaitan kes Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Beliau berkata, 47 daripada 217 halaman laporan RCI dihitamkan itu dibuat selepas mengambil kira beberapa faktor termasuk keselamatan negara, hubungan diplomatik yang sensitif dan perlindungan privasi individu.